

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 26 April 2024



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
BAGI INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI,
MALAYSIA, MAC 2024**

**Harga eksport dan import Malaysia kekal dalam trend positif pada Mac 2024,
indeks nilai seunit eksport meningkat 1.7 peratus dan import 0.1 peratus.**

PUTRAJAYA, 26 APRIL 2024 – Harga eksport Malaysia pada Mac 2024, meningkat 1.7 peratus daripada 147.3 mata pada bulan sebelumnya kepada 149.8 mata. Begitu juga, harga import bertambah 0.1 peratus daripada 129.9 mata kepada 130.0 mata. Sementara itu, terma perdagangan Malaysia turut menokok 1.6 peratus bulan ke bulan kepada 115.2 mata, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), Mac 2024** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barang selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Indeks nilai seunit eksport naik 1.7 peratus pada Mac 2024 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kenaikan indeks minyak galian (+4.7%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+3.5%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.6%). Begitu juga, indeks volum eksport menokok 13.6 peratus selaras dengan peningkatan indeks

bahan mentah tidak boleh dimakan (+31.3%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+24.6%) dan pelbagai barang keluaran kilang (+19.0%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim menguncup 2.5 peratus daripada 156.8 mata kepada 152.9 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai seunit bertambah 5.1 peratus manakala indeks volum berkurang 5.6 peratus.”

Indeks nilai seunit import meningkat secara marginal 0.1 peratus pada Mac 2024, disumbangkan oleh peningkatan indeks minyak galian (+1.6%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+0.7%) dan barang-barang keluaran kilang (+0.1%). Sementara itu, indeks volum import turut naik 15.6 peratus pada Mac 2024 berbanding Februari 2024, disumbangkan oleh kenaikan dalam indeks makanan (+23.9%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+20.5%) dan minyak galian (+17.3%). Indeks volum import pelarasan bermusim susut 0.8 peratus daripada 193.7 mata kepada 192.1 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit dan indeks volum import masing-masing berkembang 0.6 peratus dan 11.8 peratus.

Di samping itu, terma perdagangan Malaysia menokok 1.6 peratus bulan ke bulan kepada 115.2 mata pada Mac 2024, didorong oleh kenaikan indeks minyak galian (+3.1%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+2.8%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+1.2%). Terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun naik 4.4 peratus daripada 112.4 mata pada Mac tahun lalu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.



Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import
Januari 2022 – Mac 2024

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
26 APRIL 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, April 26th 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
FOR EXTERNAL TRADE INDICES,
MALAYSIA, MARCH 2024**

Malaysia's export and import prices remained positive in March 2024 with unit value index for exports grew by 1.7 per cent and imports by 0.1 per cent.

PUTRAJAYA, APRIL 26, 2024 – Malaysia's export prices in March 2024 increased by 1.7 per cent from 147.3 points in the previous month to 149.8 points. Likewise, import prices rose by 0.1 per cent from 129.9 points to 130.0 points. As well, Malaysia's terms of trade also grew by 1.6 per cent month-on-month to 115.2 points as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), March 2024**. This publication presents the unit value index, volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The export unit value index went up by 1.7 per cent in March 2024 as compared to the previous month, led by the increase in the index of mineral fuels (+4.7%), animal & vegetable oils & fats (+3.5%) and machinery & transport equipment (+0.6%). Likewise, the export volume index rose by 13.6 per cent in line with the increase in the index of inedible crude materials (+31.3%), machinery & transport equipment (+24.6%) and miscellaneous manufactured articles (+19.0%). The seasonally adjusted export volume index fell by 2.5 per cent from

156.8 points to 152.9 points. Concerning the annual comparison, the unit value index increased by 5.1 per cent while volume index decreased by 5.6 per cent.”

The import unit value index rose marginally by 0.1 per cent in March 2024, contributed from the increases in the index of mineral fuels (+1.6%), animal & vegetable oils & fats (+0.7%) and manufactured good (+0.1%). Similarly, the import volume index also increased by 15.6 per cent in March 2024 as compared to February 2024, attributed from the increment in the index of food (+23.9%), machinery & transport equipment (+20.5%) and mineral fuels (+17.3%). The seasonally adjusted import volume index edged down by 0.8 per cent from 193.7 points to 192.1 points. Year-on-year comparison showed that the import unit value index and volume index grew by 0.6 per cent and 11.8 per cent, respectively.

In addition, Malaysia’s terms of trade edged up by 1.6 per cent month-on-month to 115.2 points in March 2024, driven by the increment in the index of mineral fuels (+3.1%), animal & vegetable oils & fats (+2.8%) and machinery & transport equipment (+1.2%). Malaysia’s terms of trade rose by 4.4 per cent year-on-year from 112.4 points in March of the previous year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users’ analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.



Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices
January 2022 – March 2024

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
26 APRIL 2024